

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Tarikh : _____ (Untuk diisi oleh Cawangan)

[**Sila baca dan fahami Lembaran Maklumat Produk bersama-sama dengan terma dan syarat sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran produk Pembiayaan Padi yang merangkumi program seperti berikut BERNAS Paddy-i, PPK Paddy-i, KPK Paddy-i, Agro Paddy-i]** (Sila pilih yang mana berkenaan)

1. Apakah produk ini?

Pembiayaan Padi adalah pembiayaan tanpa cagaran bagi membiayai modal kerja/modal pusingan untuk aktiviti penanaman padi di kawasan sawah padi yang disahkan oleh agensi kerajaan yang berkaitan.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Produk ini menggunakan konsep *Tawarruq* yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urusniaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lain. Melalui pembiayaan ini, pihak Bank akan membeli komoditi (minyak sawit mentah, *plastic resin* atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh pembekal komoditi) daripada pembekal komoditi dengan harga kos (berdasarkan kepada jumlah pembiayaan). Kemudiannya, pihak Bank menjual komoditi tersebut kepada Pelanggan secara *Murabahah* iaitu harga kos ditambah keuntungan dengan bayaran tertangguh. Seterusnya, pihak Pelanggan melantik Bank sebagai wakil (*wakalah*) untuk menjual komoditi tersebut pada harga kos secara tunai kepada pihak ketiga. Hasil jualan tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan sebagai amaun pembiayaan yang dikehendaki oleh Pelanggan. Komoditi yang digunakan bagi tujuan transaksi *Tawarruq* tertakluk kepada komoditi broker.

3. Apakah syarat kelayakan bagi produk ini?

Syarat kelayakan umum:

- Warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia.
- Berusia dari 18 tahun sehingga 70 tahun pada tarikh tamat tempoh pembiayaan.
- Pesawah perlu menyalurkan hasil penerimaan SSHP berserta sebarang insentif pengeluaran yang diterima dari Kerajaan melalui akaun deposit pesawah di Agrobank.

Agro Paddy-i

- Pesawah berdaftar sebagai penerima Skim Subsidi Harga Padi (SSHP).
- Pesawah perlu menyalurkan hasil penerimaan SSHP berserta sebarang insentif pengeluaran yang diterima dari Kerajaan melalui akaun deposit pesawah di Agrobank.

BERNAS Paddy-i

- Pesawah berdaftar dengan PRL BERNAS.
- Pesawah perlu menjual hasil padi kepada KBB atau kepada Pusat Belian Padi BERNAS.

PPK / KPK Paddy-i

- Pesawah berdaftar sebagai penerima Skim Subsidi Harga Padi (SSHP).
- Berdaftar sebagai ahli dengan PPK/KPK.
- Bagi permohonan pembiayaan musim kedua atau berikutnya: keseluruhan baki pembiayaan untuk musim sebelumnya telah dijelaskan sepenuhnya.

4. Apakah kelebihan produk ini?

Kelebihan produk ini adalah seperti berikut:

Had Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> Minimum : (i) Semenanjung Malaysia; RM1,000 (ii) Sabah & Sarawak; RM600 Makimum: RM50,000
Tempoh Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> Minimum : Enam bulan Maksimum : Semakan setiap musim, tidak melebihi lima tahun
Kadar Keuntungan	<p>Agro Paddy-i 3.25% semusim (6 bulan) dan dikira atas baki bulanan</p> <p>BERNAS Paddy-i 2.52% semusim (6 bulan) dan dikira atas baki bulanan</p> <p>PPK / KPK Paddy-i 2.75% semusim (6 bulan) dan dikira berdasarkan baki bulanan.</p>

5. Apakah tanggungjawab pembiayaan saya?

- Bayaran melalui potongan terus bayaran subsidi padi Pelanggan yang disalurkan melalui akaun pelanggan di Agrobank.
- Sekiranya bayaran subsidi tidak mencukupi, maka pihak Bank berhak mendapatkan ansuran bulanan dari sumber lain.
- Melaksanakan akad untuk transaksi *Tawarruq*.

6. Apakah fi dan caj yang perlu dibayar?

Jenis Fi dan Caj	Keterangan Fi dan Caj
Bayaran Duti Setem	Seperti yang termaktub di Akta Setem 1949 (Disemak 1989)
Fi Pembrokeran	Fi Pembrokeran untuk setiap transaksi <i>Tawarruq</i> adalah pada RM20.00. (Cukai Jualan & Perkhidmatan (SST) tertakluk pada kadar 6%)
Sumbangan takaful	Tertakluk kepada jumlah pembiayaan yang diluluskan.

Nota:

Pihak Bank akan memaklumkan Pelanggan sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj yang berkaitan.

7. Bagaimanakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab yang diperuntukkan?

- Bank berhak mengenakan dan menuntut ganti rugi (*Tawidh*) daripada Pelanggan ke atas kerugian yang dialami oleh pihak Bank akibat Pelanggan lewat/gagal membayar ansuran, baki Harga Jualan atau apa-apa jumlah bayaran tertunggak yang kena dibayar kepada pihak Bank dikira dari tarikh bayaran sepatutnya dibayar sehingga pembayaran sepenuhnya berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berpandukan kepada resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia seperti mana berikut:
 - Sebelum tarikh matang, *Tawidh* yang dikenakan adalah pada kadar 1% setahun ke atas jumlah bayaran tertunggak dikira secara harian.
 - Selepas tarikh matang, *Tawidh* yang dikenakan adalah pada kadar *Islamic Interbank Money Market* (IIMM) ke atas keseluruhan jumlah prinsipal terhutang seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berpandukan kepada resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya Pelanggan gagal untuk mematuhi notis peringatan yang

diberikan oleh pihak Bank.

8. Bagaimanakah sekiranya saya menyelesaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Rebat (*Ibra'*) akan diberikan kepada Pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu keadaan (tetapi tidak terhad kepada) berikut:

- i. Pelanggan membuat penjelasan awal, penebusan awal atau membuat bayaran awal sebelum tarikh matang pembiayaan;
- ii. Pelanggan membuat penjelasan pembiayaan asal disebabkan pelaksanaan penstruktur pembiayaan;
- iii. Penjelasan oleh Pelanggan dalam kes kemungkir yang mana walaupun Pelanggan mungkir, Pelanggan kemudiannya membuat bayaran keseluruhan keterhutangan di bawah pembiayaan sebelum tarikh matang;
- iv. Penjelasan oleh Pelanggan disebabkan pembatalan atau penamatkan pembiayaan sebelum tarikh matang.

Formula untuk *pengiraan Ibra'* adalah seperti berikut:

$$Ibra' \text{ pada masa penjelasan} = \text{Keuntungan tertangguh} - \text{Caj Bayaran awal}$$

$$\text{Amaun Bayaran Awal} = \text{Harga Jualan Tertunggak} + \text{Ansuran Tertunggak} + \text{Caj Lewat Bayar (jika ada)} - Ibra'$$

9. Adakah saya perlu mengambil perlindungan Takaful?

Pelanggan digalakkan untuk mengambil Group Credit Family Takaful (GCFT) bagi melindungi jumlah keberhutangan di bawah pembiayaan yang diberikan. Walau bagaimanapun, Pelanggan adalah dibenarkan untuk menggunakan perkhidmatan panel bukan Takaful. Namun begitu, bagi menjaga kepentingan Bank dan Pelanggan pelantikan panel Takaful adalah amat digalakkan.

10. Apakah risiko utamanya?

- Sekiranya berlaku bencana alam atau kerosakan tanaman dan subsidi yang diterima tidak mencukupi untuk penjelasan pembiayaan, maka Pelanggan perlulah menjelaskan pembiayaan tersebut dengan menggunakan dana sendiri. Pelanggan adalah tidak layak untuk mendapat pembiayaan pada musim seterusnya selagi tidak menyelesaikan pembiayaan musim terdahulu.
- Sekiranya Pelanggan tidak membalias e-mel, faks atau mana-mana medium akad yang dinasihatkan oleh pihak Bank, Pelanggan berisiko untuk gagal memperolehi pembiayaan sebagaimana yang dipohon. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan untuk menjawab akad tersebut melalui medium akad yang telah dinasihatkan oleh pihak Bank.

11. Adakah saya memerlukan jaminan atau cagaran?

Tiada jaminan atau cagaran diperlukan.

12. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemas kini maklumat perhubungan anda, sila hubungi:

•Tel : 1-300-88-2476 •Faks: 603-2691 7790 • E-mel : customer@agrobank.com.my

13. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

- Jika anda mempunyai sebarang masalah menjelaskan pembayaran anda, hubungi kami terlebih dahulu untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di:
Agrobank, Bangunan Agrobank, Lebuh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur.
• Tel: 1-300-88-2476 • Faks: 603-2691 7790 • E-mel: customer@agrobank.com.my
- Di samping itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturkan semula hutang secara percuma bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:
Tingkat 8, Maju JunctionMall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.
• Tel: 1-800-22-2575 • E-mel: enquiry@akpk.org.my
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:
Agrobank, Client Relationship Management, Bangunan Agrobank, Lebuh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur.
• Tel: 1-300-88-2476 • Faks: 603-2691 7790 • E-mel: customer@agrobank.com.my
- Jika soalan anda atau aduan tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:
Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
• Tel: 1-300-88-5465 • Faks: 603-2174 1515 • E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

14. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Bagi mendapatkan maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, sila kunjungi cawangan Agrobank berdekatan, atau hubungi kami di:

Bangunan Agrobank, Lebuh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur.

• Tel: 1-300-88-2476 • Faks: 603-2691 7790 • E-mel: customer@agrobank.com.my

15. Sekiranya pelanggan berminat dengan produk ini, apakah produk / program lain yang mungkin diminati / relevan kepada pelanggan tersebut?

Pembentangan Agro Modal Usahawan 1 Malaysia-i (AGRO MUS1M-)

MAKLUMAT LAIN

- Maklumat yang disediakan untuk Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah pada tarikh notis.
- Pelanggan dinasihati untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon pembiayaan ini.
- Pelanggan perlu membalias e-mel, faks atau mana-mana medium akad yang dinasihatkan oleh pihak Bank sebagai akad jual beli untuk melengkapkan transaksi *Tawarruq*.



Sentiasa di sisi Anda

Bank Pertanian Malaysia Berhad (811810-U)

PEMBIAYAAN PADI

NOTA PENTING :

TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN BAGI PEMBIAYAAN PADI YANG MERANGKUMI PROGRAM SEPERTI BERIKUT BERNAS PADDY-i, PPK PADDY-i, KPK PADDY-i, AGRO PADDY-i] ANDA (SILA PILIH YANG MANA BERKENAAN).

Penafian:

Terma dan syarat di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 telah berkuatkuasa pada 15 November 2013. Sila hubungi cawangan terdekat atau layari www.agrobank.com.my untuk maklumat lanjut.

Saya / Kami dengan ini mengaku menerima dan memahami kandungan Lembaran Maklumat Produk seperti yang telah diterangkan kepada saya/kami.

Tandatangan	:	
Nama	:	
No. Kad Pengenalan	:	
Tarikh	:	